



Zambry (tengah) melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan SK Bukit Merah, semalam.

JPS diminta nilai semula RTB Kerian

Bukit Merah: Kerajaan Perak meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membuat penilaian semula pelan pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Daerah Kerian berharga RM400 juta berikutan taburan hujan luar jangka yang berlaku.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata beberapa perancangan yang dibuat sebelum ini perlu dinilai semula dan disesuaikan dengan keadaan luar

jangka berkenaan yang boleh menyebabkan banjir terus berlaku walaupun projek itu dilaksanakan.

"Saya harap mereka segerakan penilaian ini sementara proses membaiki atau melaksanakan projek tebatan banjir ini masih dijalankan," katanya.

Elak projek RTB dipersoal

Beliau bercakap kepada pemberita ketika melawat mangsa banjir di dua pusat pemindahan di daerah

Kerian iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Lobak dan Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Merah yang menempatkan seramai 311 mangsa daripada 88 keluarga di sini, malam kelmarin.

Dalam lawatan itu, beliau turut menyampaikan bantuan kepada mangsa.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor

Pongsu, Datuk Sham Mat Sahat dan Pegawai Daerah Kerian, Datuk Hamzah Hussin.

Zambry berkata, kerajaan menyediakan peruntukan besar bagi pelaksanaan projek RTB berkenaan yang dikatakan mampu mengurangkan 90 peratus risiko banjir di daerah itu apabila siap sepenuhnya nanti.

Bagaimanapun, katanya, rakyat akan mempersoalkan ke mana perginya wang peruntukan disalurkan itu jika banjir masih berlaku kelak.

Pantau keadaan semasa

Beliau berkata, JPS juga perlu memfokuskan kerja mendalamkan Empangan Bukit Merah yang dianggap antara empangan tertua di negara ini bagi memastikan peningkatan takungan air kolam tidak menjejaskan keselamatan empangan itu sendiri.

Sementara itu, Zambry yang ditemui pada satu majlis di Ipoh, semalam pula berkata, kerajaan negeri melalui pelbagai jabatan dan agensi berkaitan melakukan pemantauan rapi keadaan semasa termasuk paras sungai.

"Kita akan buat semakan dari semasa ke semasa untuk memantau keadaan hujan termasuk di Hulu Perak yang menerima taburan hujan yang agak lebat kali ini. Kita tidak boleh ambil mudah perkara ini," katanya.